

Karnival Riang Ria Prasekolah Peringkat Negeri W.P Labuan



Labuan, 25 Julai- Karnival Riang Ria Prasekolah peringkat negeri WP Labuan telah dijalankan di Prasekolah SK Sg Lada. Kumpulan sasaran karnival ini ialah seluruh murid-murid Wiayah Persekutun Labuan termasuklah murid-murid SKPS yang sudah pastinya tidak ketinggalan mengambil bahagian. Karnival ini diadakan pada 25 Julai sehingga 27 Julai 2019. Antara pertandingan yang dijalankan termasuklah membaca lancar, hafazan dan membina perkataan dalam Bahasa Inggeris di adakan di SK Sg Lada selaku tuan rumah Karnival Riang Ria Prasekolah pada tahun ini. Prasekolah Sekolah Kebangsaan Pekan Satu telah menghantar 3 individu iaitu 2 lelaki dan 1 perempuan bagi kategori membaca lancar Bahasa Melayu, Hafazan kategori lelaki dan perempuan. Tidak ketinggalan juga wakil seramai 4 orang bagi pertandingan membina perkataan dalam Bahasa Inggeris. Manakala wakil bagi persembahan prasekolah pula disertai oleh 16 orang murid cili api. Terdapat kira-kira 14 buah sekolah yang menyertai Karnival Riang Ria Prasekolah Peringkat negeri WP Labuan. Berikut merupakan senarai nama peserta Prasekolah Sekolah Kebangsaan Pekan

Satu.

Membaca Lancar Bahasa Melayu

1. Irfan Ziqri bin Mohd Faiz

Hafazan

1. Muhammad Hilmi Zuhdi Bin Mohd Sayuti (L)
2. Nur Aisyah Syazana Binti Juply (P)

Permainan Bahasa (Bahasa Inggeris)

1. Muhammad Adi Khairi Bin Ali Rahman
2. Putra Arrashiddin Bin Abdullah
3. Wan Arif Isyraf Bin Wan Abdul Halim
4. Nur Zarra Arissa Binti Rume

Persembahan Bakat Prasekolah

1. Muhammad Hilmi Zuhdi Bin Mohd Sayuti
2. Muhammad Adi Khairi Bin Ali Rahman
3. Muhammad Azmin Bin Abdullah
4. Muhammad Firash Bin Mohd Fadil
5. Muhammad Ikhwan Bin Ramlan
6. Irfan Ziqri Bin Mohd Faiz
7. Wan Arif Isyraf Bin Wan Abdul Halim
8. Putra Arrashiddin Bin Abdullah
9. Nur Hazirah Arissa Binti Mohd Hazim
10. Nur Zarra Arissa Binti Rume
11. Nurul Nazhirah Binti Romy
12. Aulyndra Beth Charlie
13. Nur Elfiera Ardinie Binti Masdi
14. Nurul Ashsiena Binti Norzi
15. Qisyah Nurwajihah Binti Hezri
16. Wan Zulaikha Zahra Binti Wan Zawawi



Percapaian terbaik bagi kategori hafazan lelaki ialah adik Muhammad Hilmi Zuhdi Bin Mohd Sayuti yang telah dinobatkan sebagai Johan daripada 14 peserta. Manakala kategori perempuan yang terbaik ialah Nur Aisyah Syazana Binti Juply mendapat tempat ke-5 daripada 14 peserta. Bagi kategori membaca lancar Bahasa Melayu pula, adik Irfan Ziqri bin Mohd Faiz telah mendapat tempat ke-5 daripada 14 peserta yang menyertai dan turut menerima saguhati bagi kategori permainan bahasa inggeris. Bagi pertandingan persembahan pula telah mendapat *Anugerah Usahasama Terbaik* dan keputusan keseluruhan karnival riang ria Prasekolah Peringkat negeri WP Labuan Prasekolah Sk Pekan Satu telah mendapat tempat ke 5 dari 14 buah prasekolah yang bertanding. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi sokongan dan

kejayaan kepada pasukan Prasekolah Sk Pekan Satu. Pencapaian ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan kerana jelas sekali peningkatan pencapaian prasekolah SKPS berbanding tahun lepas. Kesungguhan dan usaha para peserta telah membawa kemenangan kepada Prasekolah Sk Pekan Satu.

